

## KESAN DARIPADA MAKANAN DAN MINUMAN YANG HARAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Allah Subhanahu wa-Taala memerintahkan kita supaya memakan makanan atau rezeki dari sumber yang halal lagi baik dan bersih. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 88;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِءِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Yang bermaksud: *Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya.*

Perintah memakan benda yang halal lagi baik wajib dipatuhi oleh setiap individu muslim demi menjaga kesucian rohani dan memudahkan seseorang itu untuk mendapat petunjuk serta membentuk peribadi mulia sebagai seorang muslim. Pengertian halal dalam ayat tadi ialah halal jisimnya dan halal cara memperolehnya. Sedangkan perkataan “baik” adalah dari segi kemanfaatannya, iaitu yang mengandungi manfaat dan maslahat bagi tubuh, mengandungi vitamin, protein dan sebagainya. Makanan yang tidak baik iaitu yang tidak seimbang kandungan yang dikehendaki oleh tubuh badan, boleh merosakkan kesihatan. Maka Allah memerintahkan kita untuk memakan makanan yang bukan hanya halal, tetapi juga baik (*Halalan Thoyyiban*) agar tidak membahayakan tubuh kita. Bahkan perintah ini disertakan dengan bertaqwa kepada Allah, sebagai sebuah perintah yang sangat tegas dan jelas.

Tidak ada halangan bagi orang mukmin yang mampu untuk menikmati makanan dan minuman yang enak, tetapi haruslah mentaati ketentuan yang telah ditetapkan syara', iaitu: berkhasiat, halal dan tidak berlebihan. Allah subhanahu wa taala memperingatkan kita dalam surah 'Abasa ayat 24 supaya berhati-hati memilih makanan, Firman-Nya;

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَىٰ طَعَامِهِ ۚ

Yang bermaksud: *Maka hendaklah manusia itu memperhatikan makanannya.*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala ,**

Makanan dan minuman yang haram adalah seperti berikut, pertama: jisimnya seperti daging babi, bangkai, darah, arak, dan lain-lain. Kedua: makanan dan minuman diperolehi dari jalan yang diharamkan seperti mencuri, merompak, menipu, riba, berjudi, rasuah, tidak amanah seperti malas dan cuai dalam bekerja, ponteng kerja, lambat datang bekerja dan sebagainya.

Sabda Rasulullah *sallahu 'alaihi wassalam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: *Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda, "Wahai manusia, sesungguhnya Allah Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan-Nya kepada para Nabi. Kemudian Baginda membaca firman Allah, 'Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.'* Dan firman-Nya, *'Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik-baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu.'* Kemudian Baginda menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh, tubuhnya diliputi debu lagi kusut, ia menadahkan tangannya ke langit seraya berdoa, *'Ya Tuhanku, ya Tuhanku'*. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya daripada yang haram dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan."

Hadis ini menunjukkan bahawa halal atau haram dalam makanan memberi kesan terhadap ibadah. Ini kerana setiap kali melaksanakan ibadah, kita dituntut supaya sentiasa berada dalam keadaan suci dan bersih dari segi zahir dan batin. Mari kita renungkan, adakah Allah *subhanahu wa taala* menerima ibadah serta doa kita sekiranya terdapat benda atau unsur-unsur haram dalam tubuh badan kita? Yang jelas, makanan atau apa jua rezeki tidak

halal yang masuk ke dalam perut kita akan menjadi darah daging dan memberi kesan terhadap pembentukan peribadi, malah unsur yang haram itulah juga yang akan menyebabkan seseorang itu dicampakkan ke dalam neraka, sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dalam hadis riwayat al-Tobarani;

أَيُّمَا لَحْمٍ نَبَتَ مِنَ الْحَرَامِ فَالْتَّارُ أَوْلَى لَهُ

Yang bermaksud: “Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya.”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,**

Ingatlah, sesungguhnya makanan yang haram, boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada pemakannya. Antaranya boleh menjauhkan diri kita daripada mentaati Allah dan gemar melakukan kejahatan dan maksiat.

Setiap suruhan dan tegahan dalam Islam mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Oleh itu, patuhilah segala perkara yang dianjurkan oleh agama kita agar beroleh rahmat serta hidayah dari Allah Subhanahu wa-Taala. Firman Allah subhanahu wa taala dalam surah al-Baqarah ayat 172;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ

تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, makanlah antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepada-Nya kamu menyembah.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.